

Promosi Pelan Insurans Penyakit Kritikal Hong Leong

TEMPOH PROMOSI

Pelan Insurans Penyakit Kritikal (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada 1 Julai 2018 hingga 31 Ogos 2018, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Promosi**”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat

Yang berikut merupakan terma dan syarat yang terpakai kepada Promosi (“**T&S**”)-

KELAYAKAN

1. Promosi ini, yang dianjurkan bersama oleh HLB dan MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (“**MSIG**”), terbuka kepada semua rakyat Malaysia, Penduduk Tetap, Pemegang Permit Kerja / Pas Kerja atau sebaliknya diambil kerja secara sah di Malaysia serta Tanggungan mereka (“**Pelanggan**”) dan mereka yang membeli produk insurans berikut (yang akan dirujuk sebagai “**Pelan Insurans**”), yang ditaja jamin oleh MSIG dalam talian melalui laman web MSIG di <https://takeiteasy.msig.com.my/hlb/> (“**Laman Web MSIG**”) dalam Tempoh Promosi:
 - a) Pelan Insurans Penyakit Kritikal Hong Leong (“**Pelan Insurans Penyakit Kritikal**”)
- Nota: (Definisi ‘Tanggungan’ berbeza. Sila rujuk kepada polisi insurans masing-masing untuk maklumat lanjut.)*
2. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki telah melakukan sebarang perbuatan fraud, melanggar undang-undang atau salah berkaitan dengan Pelan Insurans dan/atau mana-mana kemudahan yang disediakan oleh HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HSLIB**”) dan/atau MSIG atau telah diisytiharkan bankrap atau dikenakan sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** akan layak menyertai Promosi ini.
 3. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB dan/atau MSIG sebagai berpotensi melakukan mana-mana perbuatan salah yang ditetapkan di sini akan terus hilang kelayakan untuk menyertai Promosi ini.
 4. HLB dan MSIG mengekalkan hak untuk menolak kelayakan mana-mana Pelanggan untuk Promosi ini atas sebarang sebab yang ditentukan wajar atas budi bicara tunggal HLB dan/atau MSIG.

MEKANISMA

5. Pelanggan yang berjaya membeli Pelan Insurans melalui laman web MSIG dengan pembayaran premium insurans yang telah diterima dan diluluskan oleh MSIG dalam Tempoh Promosi layak menyertai peraduan kuiz ‘Health is Wealth’ (“**Kuiz**”) untuk memenangi kod baucar Eu Yan Sang bernilai RM300 (“**Kod Baucar Eu Yan Sang**”). Pelanggan yang memenuhi kriteria di atas akan dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”.
6. Bagi setiap bulan dalam Tempoh Promosi, hanya Satu (1) Pelanggan yang Layak yang telah menjawab Kuiz dengan betul dalam masa terpantas akan diumumkan sebagai pemenang Kod Baucar Eu Yan Sang (“**Pemenang**”). Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, hanya

Satu (1) Pelanggan yang Layak akan dipilih sebagai Pemenang untuk setiap bulan atas dasar 'siapa cepat dia dapat' sepanjang Tempoh Promosi.

7. Setiap Pemenang akan menerima Kod Baucar Eu Yan Sang dalam pecahan 3 kod baucar bernilai RM100 setiap satu, berjumlah RM300 kesemuanya. Pemenang boleh menggunakan setiap kod baucar dan menikmati diskaun sebanyak RM100 untuk pembelian dalam talian Eu Yan Sang eStore.
8. Keputusan MSIG adalah muktamad dan konklusif dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
9. Pelanggan yang telah menyertai peraduan akan dimaklumkan melalui e-mel oleh MSIG setiap hari Isnin kedua bulan berikutnya tentang keputusan penyertaan mereka. Pemenang akan menerima pemberitahuan e-mel daripada MSIG berserta Kod Baucar Eu Yan Sang. Kesemua nama Pemenang akan dipaparkan di laman web MSIG sepanjang tempoh kempen ("Pemberitahuan"). Kod Baucar Eu Yan Sang tidak boleh dipindah milik atau ditebus untuk tunai. MSIG tidak akan bertanggungjawab jika MSIG tidak dapat memaklumkan kepada Pemenang atas sebarang sebab sama sekali dan sebarang permohonan/rayuan untuk pembayaran balik Kod Baucar Eu Yan Sang tidak akan dilayan. Kod Baucar Eu Yan Sang hanya boleh dipakai di Eu Yan Sang eStore dan tidak sah untuk pembelian di kedai runcit Eu Yan Sang. Kod Baucar Eu Yan Sang sah sebelum tarikh luput seperti yang dinyatakan dalam baucar. Penggunaan Kod Baucar Eu Yan Sang juga tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Eu Yan Sang International Ltd ("**EYSI**").
10. Pemenang yang berhak menerima Kod Baucar Eu Yan Sang akan bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada MSIG secara bertulis jika tidak menerima Kod Baucar Eu Yan Sang tidak lewat dari satu (1) bulan dari tarikh penerimaan Pemberitahuan, jika tidak, Pemenang akan dianggap telah mendapat dan menerima Kod Baucar Eu Yan Sang daripada MSIG. MSIG tidak akan melayan sebarang tuntutan tidak menerima Kod Baucar Eu Yan Sang oleh Pemenang selepas tamatnya tempoh jangka waktu satu (1) bulan tersebut.
11. Pelanggan yang Layak dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada HLB dan MSIG untuk mendedahkan nama, nombor untuk dihubungi (jika terpakai) bagi tujuan pemilihan Pemenang untuk Promosi.
12. Pemenang dengan ini juga memberi persetujuan dan kebenaran mereka kepada MSIG untuk mendedahkan atau menerbitkan nama mereka dalam media, bahan pemasaran atau pengiklanan (di mana terpakai) bagi tujuan Promosi.
13. Pelanggan boleh membeli berbilang Pelan Insurans Penyakit Kritikal dalam Tempoh Promosi.
14. Pelanggan hendaklah menandatangani semua dokumen biasa untuk Pelan Insurans yang termasuk borang permohonan dan borang carian fakta pelanggan. Semua permohonan untuk Pelan Insurans adalah tertakluk kepada kelulusan MSIG serta terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh MSIG atas budi bicara tunggal dan mutlak MSIG.
15. Premium yang dibayar untuk Pelan Insurans di bawah Promosi ini tidak boleh dipulangkan dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit dan cek atau manfaat barangan.

16. Promosi ini tidak sah dan tidak boleh digunakan bersama mana-mana promosi, baucar, rebat atau keutamaan lain yang terpakai kepada Pelan Insurans, kecuali dimaklumkan sebaliknya.
17. Pelanggan bertanggungjawab dan sendirinya akan menanggung semua cukai terpakai, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.

UMUM

18. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan:-
 - (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju supaya terikat oleh T&S Promosi dan sebarang terma dan syarat relevan lain yang dikenakan oleh HLB dan MSIG dari masa ke masa;
 - (b) bersetuju untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my ("**Laman Web HLB**") pada jangka masa tetap untuk melihat T&S dan memastikan sentiasa menyemak sebarang perubahan atau pindaan kepada T&S tersebut;
 - (c) bersetuju untuk mengakses laman web MSIG pada jangka masa tetap untuk melihat dan memastikan sentiasa menyemak sebarang perubahan atau pindaan kepada butiran Pelan Insurans; dan
 - (d) bersetuju bahawa keputusan HLB dan/atau MSIG ke atas semua perkara berhubung dengan Promosi ini adalah terakhir, muktamad dan akan mengikat semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mencabar keputusan tersebut tidak akan dilayan.
19. HLB dan/atau MSIG mengekalkan hak untuk menambah, menghapus, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini dan/atau butiran Pelan Insurans, secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya atas budi bicara mutlak mereka, melalui paparan dalam Laman Web HLB dan/atau MSIG, atau dalam sebarang cara yang dianggap sesuai oleh HLB dan/atau MSIG supaya memberi notis terdahulu kepada Pelanggan tentang penambahan, penghapusan atau pindaan tersebut.
20. T&S yang terkandung di sini akan dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menerima bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
21. Dokumen ini tidak dimaksudkan sebagai pelawaan atau tawaran untuk langganan Pelan Insurans dan ia bukan permintaan oleh HLB dan/atau MSIG untuk langganan Pelan Insurans oleh sesiapa. Pelanggan dinasihati untuk membaca dan memahami kandungan risalah produk / kontrak polisi sebelum melanggan produk insurans relevan.
22. HLB dan MSIG tidak membuat sebarang representasi atau waranti untuk produk dan perkhidmatan yang diberi oleh EYSI dan sebarang aduan atau pertikaian tentang Kod Baucar Eu Yan Sang di bawah Promosi ini akan diselesaikan antara Pemenang dan EYSI tanpa merujuk kepada HLB dan MSIG.
23. T&S di sini perlu dibaca dengan terma dan syarat yang mengawal MSIG sebagai perjanjian keseluruhan. Jika berlaku sebarang percanggahan, T&S di sini akan diguna pakai setakat mana terdapat percanggahan sedemikian.

Jika terdapat percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung dengan atau berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat terakhir di Laman Web HLB akan diguna pakai.